

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 16 OKTOBER 2014 (KHAMIS)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Hasilkan mesin rawat, kesan penyakit kanser	Utusan Malaysia
2.	Plenty of opportunities for universities	New Straits Times
3.	Amaran ribut kuat adalah palsu	Utusan Malaysia
4.	Jabatan Meteorologi nafi khabar angin ribut kuat di seluruh negara	BERNAMA
5.	Kelembapan tinggi cetus puting beliung	Berita Harian
6.	Met Dept denies strong storms to hit nation	The Malay Mail
7.	Inclement weather not due to cyclone	The Sun
8.	Amaran ribut kuat hanya khabar angin	Harian Metro
9.	Jabatan Meteorologi nafi khabar angin ribut kuat	Kosmo
10.	Mesej viral ribut kuat tidak benar	Sinar Harian

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 21
TARIKH: 16 OKTOBER 2014 (KHAMIS)

Hasilkan mesin rawat, kesan penyakit kanser

KUALA LUMPUR 15 Okt. - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan Agensi Nuklear Malaysia (ANM) akan menghasilkan mesin merawat dan mengesan penyakit kanser dilengkapi teknologi tinggi melalui proses naik taraf oleh saintis tempatan.

Timbalan Ketua Setiausaha (Sains) MOSTI, Dr. Zulkifli Mohamed Hashim berkata, proses itu akan mengambil masa kira-kira 36 bulan dan dijangka bermula pada tahun depan dengan peruntukan sebanyak RM260 juta yang diberikan oleh kerajaan kepada MOSTI ketika pembentangan Bajet 2015 baru-baru ini.

"Kos tersebut meliputi pembinaan pusat penyelidikan, pembelian mesin serta keperluan lain supaya dapat memberi implikasi jangka masa panjang kepada masyarakat.

"Selepas proses penyelidikan dijalankan, keupayaan mesin tersebut akan mampu menghasilkan tenaga sehingga 30 Megaelectronvolt (MeV) berbanding sebelum ini yang hanya berkeupayaan 17 Megaelectronvolt (MeV)," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas majlis penutupan National Space Challenge



ZULKIFLI Mohamed Hashim (tiga dari kanan) bersama Johan National Space Challenge 2014 Piala Perdana Menteri dari Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Puay Chai 2, Elyn Leong (kiri) dan Ng Jia Quan (dua dari kiri) di Kuala Lumpur, semalam.

2014 Piala Perdana Menteri anjuran Agensi Angkasa Negara (Angkasa), Kementerian Pendidikan dan Bank Rakyat melibatkan para pelajar sekolah rendah dari seluruh negara, di sini hari ini.

Yang turut hadir, Ketua Penga-

rah Angkasa, Dr. Noordin Ahmad; Ketua Penolong Pengarah Kanan Pengurusan Kokurikulum Kementerian Pendidikan, Mohd Anuar Abdul Hamid dan Naib Presiden Kanan, Pemasaran dan Komunikasi Bank Rakyat, Saliman Zainal.



Plenty of opportunities for universities

BUDGET 2015:

Higher-learning institutions can lead Malaysia to become high-income, advanced economy

IT is interesting to note that in the entire 2015 Budget speech last Friday, universities were mentioned only twice. My first reaction was that it could be bad news for the universities, especially when the expectation of the public is increasing.

Furthermore, Malaysian universities are also expected to climb the world ranking and produce more talented graduates for the nation.

However, upon closer look, there are plenty of opportunities for local universities to take advantage of the 2015 Budget.

These are among the main opportunities:

For students and graduates

Talent Corp will be provided with RM30 million to develop academia collaboration programmes. Universities should take this opportunity to develop innovative programmes through internship and industrial training that are already in-built within most of the universities' curriculum.

The difference now is that there should be more opportunities to design internship or industrial training programmes that are more systematic, and will enhance the training of students. This is also an opportunity to bring more industry practitioners to universities to contribute in other activities, such as industrial talks, seminars and student assessment. The overall target is to enhance employability of the students.

Universities should also take note of the new programme called Globally Recognised Industry and Professional

Certification Programme, or IMalaysia-aGRIP, which is meant to intensify upskilling and reskilling programmes.

If such programmes can be brought to campuses, students will have the opportunity to obtain professional certification even before they graduate.

RM300 million in matching grants between the government and the Human Resources Development Fund have been allocated for this purpose.

The government has also extended the MyBrain15 programme that allows more students to obtain postgraduate qualification at master's and PhD levels.

For next year, RM112 million has been allocated. Thus, more Malaysian students will have the opportunity to pursue higher degrees and universities must be able to provide highly-competitive programmes to enhance the quality of the postgraduates. Interestingly now, the government has agreed to extend the My-



Prof. Datuk Ir. Dr. Abdul Wahab Mohammad is dean of the Faculty of Engineering and Built Environment, Universiti Kebangsaan Malaysia

SAMBUNGAN...
NEW STRAITS TIMES (COMMENT) : MUKA SURAT 25
TARIKH : 16 OKTOBER 2014 (KHAMIS)



*If skills programmes, such as the **Globally Recognised Industry and Professional Certification Programme**, or **MalaysiaGRIP**, can be brought to campuses, students will have the opportunity to obtain **professional certification** even before they graduate.*

Brain programme for civil servants and employees of statutory bodies who are keen to further their studies on part-time basis in local higher-learning institutions.

For research, development and commercialisation (RD&C)

From RD&C point of view, universities are fortunate since the source will come from two ministries, namely the Education Ministry (MOE) and the Science, Technology and Innovation Ministry (Mosti).

MOE has been allocated RM56 billion for various teaching and learning programmes, which should include budgets for universities. It is not apparent how much will be allocated for RD&C, but I am quite certain that a significant portion will be provided for this purpose since RD&C will be the yardstick to improve the ranking of Malaysian universities.

Mosti itself has been allocated RM1.3 billion to implement several programmes related to research and innovation. Among these are:

ESTABLISHMENT of a Research Incentive Scheme for Enterprises (Rise), with an allocation of RM10 million, to encourage companies to set up research centres in high technology, information and communication technology, and knowledge-based industries;

COMMERCIALISATION of 360 high-impact innovative products within the next five years;

ALLOCATION of RM290 million for research funds to implement various high-impact RD&C programmes;

ALLOCATION of RM50 million for a new initiative, namely the Public-Private Research Network spearheaded by MOE in collaboration with the Malaysian Technology Development Corporation; and

ALLOCATION of RM50 million for Technology Commercialisation Plat-

form Programme by Agensi Inovasi Malaysia.

Local universities should take these opportunities to work with local industries and government agencies to enhance the quality of RD&C so that an impactful outcome can be realised.

For networking with industries and non-governmental organisations:

Local universities can also be an important catalyst for fruitful engagement with local industries and non-governmental organisations (NGOs). Most of the universities have established the division for industries and communities affairs.

Through such networking, both the academics and students will be exposed to diversified environments, which will be good for enhancing the teaching and learning quality.

All the initiatives by the government mentioned above will require significant involvement and networking with industries. Furthermore, the government has also announced a more pronounced support for NGO activities. A one-off grant of RM50 million has been allocated to creditable NGOs, including uniformed bodies that are involved in community development programmes, unity, social welfare, consumerism, health and security.

Next year has also been declared the year of empowerment for NGOs and volunteerism, or MyNGO 2015. Again, this is a good opportunity for universities to work together with NGOs in order to provide a win-win situation for both parties.

With all these opportunities, universities should be ready to take the challenge and work more towards realising the prime minister's vision of the National Transformation Policy that will lead Malaysia to become an advanced high-income economy.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 04
TARIKH: 16 OKTOBER 2014 (KHAMIS)

Amaran
ribut kuat
adalah palsu

KUALA LUMPUR 15 Okt.
- Jabatan Meteorologi
Malaysia menjelaskan
maklumat yang tersebar
menerusi aplikasi What-
sApp dan laman sosial
kononnya pihaknya
mengeluarkan amaran
ribut kuat di seluruh ne-
gara adalah palsu.

Jabatan itu dalam
satu kenyataan hari ini
berkata, maklumat sa-
hah berkenaan amaran
atau nasihat yang dike-
luarkan oleh pihaknya
boleh diperoleh mela-
lui laman web *www.met.
com.my*, laman sosial
seperti *facebook.com/
malaysiamet* dan *twit-
ter.com/malaysiamet*.

"Orang ramai juga
boleh menghubungi
talian 1-300-22-1638 yang
beroperasi 24 jam seha-
ri," kata kenyataan ber-
kenaan.

BERITA ONLINE
BERNAMA.COM
TARIKH: 16 OKTOBER 2014 (KHAMIS)



Jabatan Meteorologi Nafi Khobar Angin Ribut Kuat Di Seluruh Negara

KUALA LUMPUR, 15 Okt (Bernama) -- [Jabatan Meteorologi Malaysia \(MetMalaysia\)](#) hari ini menafikan khobar angin kononnya terdapat amaran ribut kuat di seluruh negara.

Jabatan berkenaan dalam satu kenyataan, berkata amaran berkenaan yang banyak disebarkan melalui media sosial Facebook dan aplikasi WhatsApp sejak beberapa hari kebelakangan ini adalah tidak benar.

Sebaliknya, MetMalaysia menasihatkan orang ramai mendapatkan maklumat sahih mengenai sebarang amaran atau nasihat berkenaan cuaca melalui laman web mereka di www.met.gov.my.

Maklumat juga boleh diperolehi melalui akaun Facebook 'malaysiamet' dan Twitter 'malaysianmet', menurut kenyataan berkenaan.

Tambah kenyataan itu lagi, orang ramai juga boleh menghubungi talian hotline MetMalaysia di talian 1-300-22-1638 yang beroperasi 24 jam sehari.

-- BERNAMA

SUSULAN PUTING BELIUNG PENDANG

Kelembapan tinggi cetus puting beliung

» Kawasan lapang serta pertemuan udara panas, sejuk turut dorong pembentukan

Oleh Adha Ghazali dan Petah Wazzan Iskandar
bhnews@bh.com.my

Alor Setar

Puting beliung yang melanda Kampung Alor Besar, Pendang, kelmarin, adalah jenis 'landspout' atau puting beliung darat.

Jurucakap Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) yang mengesahkannya semalam, berkata kejadian puting beliung sememangnya jarang di negara ini, namun bukan mustahil.

Selain di daratan, katanya, puting beliung jenis itu yang berbentuk seakan-akan pokok taugeh, juga boleh berlaku di permukaan air seperti tasik dan laut yang dikenali sebagai 'waterspout'.

Sementara itu, jabatan berke-

naan dalam satu kenyataan semalam, memaklumkan puting beliung berlaku apabila terdapat kelembapan tinggi dan penumpuan angin di paras rendah serta ketidakstabilan atmosfera yang bertindak sebagai pemangkin untuk pembentukannya.

Tiada kaitan 'yongfong'

"Bagaimanapun, insiden yang menyebabkan kerosakan 10 rumah dan sebuah sekolah di Pendang itu tiada kaitan dengan ribut tropika 'Yongfong' di Jepun atau siklon 'Hudhud' di India," katanya.

Puting beliung atau 'tornado' ialah sebuah tiub angin berpusing yang menyentuh tanah dan awan 'kumulonimbus', dengan angin dalam puting beliung berpusing pada kelajuan antara 175 kilometer sejam (km/j) dan mampu mencecah 480 km/j.

Selain 'landspout' atau 'waterspout', ada beberapa lagi jenis puting beliung direkodkan, terutama di sekitar Amerika Syarikat, termasuk 'Supercell Tornado', 'Gustnado', 'Dust Devils' dan 'Firewhirls'.

Faktor kedudukan

Kelmarin, Pegawai Meteorologi Kanan Pusat Cuaca Nasional Met-Malaysia, Dr Mohd Hisham Mohd Anip, berkata kedudukan Pen-

dang yang dipenuhi sawah padi dan kawasan lapang, antara faktor terbentuknya puting beliung di kawasan itu.

Sementara itu, pakar fenomena iklim di Universiti Malaysia Sabah (UMS), Dr Ramzah Dambul, berkata puting beliung pernah berlaku di negara ini, terutama pada musim peralihan monsun seperti sekarang.

Katanya, keadaan atmosfera di sekitar garis khatulistiwa agak kurang stabil pada peralihan monsun Oktober hingga November dan April hingga Mei.

"Pada keadaan monsun seperti sekarang, terlalu banyak pertemuan udara panas dan sejuk berlaku secara menegak, yang menjadi salah satu faktor mencetuskan kejadian puting beliung.

"Puting beliung boleh mempunyai kelajuan angin sehingga 175 km/j dan boleh bergerak sejauh beberapa kilometer sebelum hilang begitu sahaja.

"Bagaimanapun, puting beliung amat sukar diramal dan kekuatannya juga sukar diduga, dan kes ia mampu mencapai kelajuan 480 km/j serta bergerak sehingga jarak yang jauh," katanya.


"Pada keadaan monsun seperti sekarang, terlalu banyak pertemuan udara panas dan sejuk yang berlaku secara menegak, yang menjadi salah satu faktor mencetuskan kejadian puting beliung"

Dr Ramzah Dambul, Pakar fenomena iklim Universiti Malaysia Sabah (UMS)

Pelajar Giat MARA Pendang bergotong-royong membersihkan rumah mangsa ribut di Kampung Alor Besar, Pendang, semalam. (FOTO SHARUL HAFIZ ZAM/BH)




Pembentukan puting beliung



INFO

Puting beliung

- Lazim terbentuk ketika hujan ribut petir disusuli angin kuat
- Lebar pusaran cecah 1.6km, terutama 'Supercell Tornado'
- Mampu bergerak lebih 100km, musnahkan apa saja dalam laluan
- Antara kejadian puting beliung di Malaysia termasuk di Jejawi, Perlis (28 Oktober 2010), Kota Damanisara, Selangor (13 Jun 2010), Gurney, Pulau Pinang (15 November 2010)



Sumber: NOAA © GRAPHIC NEWS

KERATAN AKHBAR
THE MALAY MAIL (IN BRIEF) : MUKA SURAT 15
TARIKH: 16 OKTOBER 2014 (KHAMIS)

**Met Dept denies strong
storms to hit nation**

KUALA LUMPUR — The Meteorological Department has denied rumours of a warning issued about strong storms expected to hit the country. It said the warning, which had gone viral on social media, especially Facebook and WhatsApp, was untrue. Instead, the public are advised to get accurate weather information through the department's website, www.met.gov.my, or Facebook page 'malaysiamet' or on Twitter @malaysianmet. The department can also be contacted through its 24-hour hotline at 1-300-22-1638. — Bernama

Inclement weather not due to cyclone

GEORGE TOWN: The whirlwind that hit Pendang in Kedah on Tuesday had nothing to do with tropical storm Vongfong in Japan and cyclone Hudhud in India.

A Malaysian Meteorological Department statement said the whirlwind formed due to high humidity, concentration of wind and atmospheric instability.

"Such incidents rarely happen in Malaysia," the statement said.

No casualties or injury were reported during the 4.30pm incident.

However, 10 houses and a primary school in Kampung Alor Besar were damaged due to uprooted trees and roofs being blown off during the 20-minute incident, Bernama reported.

The incident was captured on video and went viral on social media.

Strong winds and heavy rains have occurred in the country since Sunday, resulting in the deaths of two policemen when a tree fell on a beat base in Kampung Attap and the walls of three apartments in Kuala Lumpur torn off during an afternoon storm that same day.

The downpour and strong winds also tore down several high-rise scaffoldings installed for the KL International Tattoo 2014 at Stadium Merdeka.

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 16
TARIKH: 16 OKTOBER 2014 (KHAMIS)

Kuala Lumpur

**Amaran ribut
kuat hanya
khabar angin**

Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) menafikan khabar angin yang tersebar menerusi laman sosial mengatakan terdapat amaran ribut kuat di seluruh negara.

Menerusi satu kenyataan media dikeluarkan, jabatan itu menegaskan semua khabar angin itu tidak benar sama sekali selepas ia disebarkan menerusi Facebook dan aplikasi WhatsApp sejak kebelakangan ini.

MetMalaysia menasihatkan orang ramai supaya mendapatkan maklumat sahih mengenai sebarang amaran atau nasihat mengenai cuaca melalui laman web jabatan itu di alamat, www.met.gov.my.

"Maklumat juga boleh diperoleh melalui akaun Facebook 'malaysiamet' dan Twitter 'malaysianmet'.

"Selain itu, orang ramai juga boleh menghubungi talian hotline MetMalaysia di talian 1-300-22-1638 yang beroperasi 24 jam," menurut kenyataan itu.

Mesej yang disebarkan itu memetik sumber Jabatan Meteorologi kononnya ribut kuat dijangka melanda seluruh negara pada bila-bila masa.

Jabatan Meteorologi nafi khabar angin ribut kuat

KUALA LUMPUR - Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) menafikan khabar angin kononnya terdapat amaran ribut kuat di seluruh negara.

Jabatan berkenaan dalam satu kenyataannya memberitahu, amaran berkenaan yang banyak disebarkan melalui media sosial Facebook dan aplikasi WhatsApp sejak beberapa hari kebelakangan ini adalah tidak benar.

Sebaliknya, MetMalaysia menasihatkan orang ramai agar mendapatkan maklumat sahih mengenai sebarang amaran atau nasihat berkenaan cuaca melalui laman web jabatan itu di www.met.gov.my.

Maklumat juga boleh diperoleh melalui akaun Facebook Malaysiamet dan Twitter Malaysianmet, menurut kenyataan berkenaan.

Tambah kenyataan itu lagi, orang ramai juga boleh menghubungi talian hotline MetMalaysia di talian **1-300-22-1638** yang beroperasi 24 jam sehari. - Bernama

KERATAN AKHBAR
SINAR HARIAN (NASIONAL) : MUKA SURAT 10
TARIKH: 16 OKTOBER 2014 (KHAMIS)

Mesej viral ribut kuat **tidak benar**

DUA mesej tersebar luas di media sosial sejak beberapa hari ini, mendakwa ribut kuat bakal berlaku di negara ini.

Mesej pertama pada 13 Oktober lalu menyebut, jabatan kaji cuaca mengumumkan ribut kuat akan melanda Lembah Klang pada jam 12 malam.

"Dinasihatkan penduduk Lembah Klang supaya berada di dalam rumah dan bersedia menghadapi sebarang kemungkinan," menurut mesej itu sambil menambah berita itu perlu dimaklumkan kepada ahli keluarga pembaca yang berada di Lembah Klang.

Satu lagi mesej serupa yang mula tersebar melalui aplikasi *WhatsApp* dan media sosial semalam, turut me-

AUTA

Jabatan Meteorologi Malaysia mengumumkan ribut kuat akan melanda seluruh Malaysia pada bila-bila masa bermula hari ini. Dinasihatkan kepada semua supaya berada di dalam rumah dan bersedia menghadapi sebarang kemungkinan.

Elakkan park kereta di bawah pokok. Maklumkan kepada keluarga masing-masing.

Sumber: <http://m.met.gov.my/IDM20016.html>

1:16 pm

Mesej disebar mengenai ribut kuat melanda negara, semalam sehingga menimbulkan kebimbangan orang ramai.

nyebut Jabatan Meteorologi mengumumkan ribut kuat akan melanda seluruh negara pada bila-bila masa bermula semalam.

"Elakkan [letak] kereta di bawah pokok. Maklumkan ke-

pada keluarga masing-masing," menurut mesej itu.

Ia turut memetik pautan laman web <http://m.met.gov.my/IDM20016.html> sebagai sumber yang dikatakan mengeluarkan amaran itu.

JABATAN Meteorologi melalui laman *Facebook* rasminya kelmarin, meminta orang ramai tidak mempercayai khabar angin mengenai ribut kuat yang dikatakan akan melanda Klang pada jam 12 tengah malam, 13 Oktober lalu.

Sementara itu, dalam satu kenyataan berasingan semalam, Jabatan Meteorologi memaklumkan mesej amaran ribut kuat di seluruh negara yang disebarkan melalui aplikasi *WhatsApp* dan media sosial juga adalah tidak benar.

Menurut jabatan itu, maklumat sahih berkenaan amaran atau nasihat dikeluarkan Jabatan Meteorologi boleh diperolehi melalui laman web www.met.gov.my, media sosial seperti *Facebook* ([**FAKTA**](http://www.facebook.com/malaysia-</p></div><div data-bbox=)

Jabatan Meteorologi Malaysia
KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

Strong Wind - Rough Seas Warning (IDM20016)
12:14PM, 15 October 2014

AMARAN ANGIN KENCANG DAN LAUT BERGELORA

TIADA

Dikemaskini pada 15 Oktober 2014, jam 12:14PM

STRONG WINDS AND ROUGH SEAS WARNING

NONE

Updated on 15 October 2014, at 12:14PM

Jabatan Meteorologi mengesahkan tiada amaran ribut kuat di seluruh Malaysia seperti disebarkan di laman sosial, semalam.

met dan *Twitter* (<http://twitter.com/malaysianmet>).

"Orang ramai boleh menghubungi Jabatan Meteorologi di talian 1-300-22-1638," menurut kenyataan itu.

Sementara itu, pautan <http://m.met.gov.my/IDM20016.html> yang disebarkan melalui mesej viral itu, menunjukkan tiada amaran angin kencang dan laut bergelora.